



JABATAN PERTANIAN  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN



# GARIS PANDUAN NAMA DAGANGAN PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN 2021)

MOHD AZMAN TAHIR  
KETUA PENOLONG PENGARAH  
G48

UNIT PELABELAN  
PRODUK  
BAHAGIAN KAWALAN  
RACUN PEROSAK DAN  
BAJA





# Agenda

- 01 LATARBELAKANG
- 02 PENGELESAAN NAMA DAGANGAN
- 03 PENERANGAN ELEMEN GP NAMA DAGANGAN
- 04 WAY FORWARD
- 05 SESI SOAL JAWAB

# LATARBELAKANG

- Nama dagangan menyerupai produk yang laris.
- Nama dagangan berkaitan dengan ciri alam sekitar.
- Nama dagangan membawa maksud superlatif.
- Nama dagangan mengandungi dakwaan berlebihan.
- Nama dagangan bersaiz luarbiasa besar.



# DEFINISI NAMA DAGANGAN

- Definisi nama dagangan adalah nama yang diberikan kepada produk RMP yang merupakan identiti produk tersebut.
- Nama dagangan boleh menggunakan
  - Nama fiksyen (nama yang dicipta); atau nama generik (nama umum) atau nama saintifik, bersama-sama
  - dengan tanda dagang/naungan atau nama pengilangnya



# PENGELASAN NAMA DAGANGAN RMP

**Nama Dagangan bagi produk  
RMP Yang Dirumuskan  
(Formulated Product)**

**01**

**Nama Dagangan bagi produk  
RMP untuk kegunaan Industri  
atau Perkilangan**

**02**

# PENGELASAN NAMA DAGANGAN RMP

## Nama Dagangan bagi produk RMP Yang Dirumuskan (Formulated Product)

Nama dagangan produk RMP yang dirumuskan bagi kegunaan

- Pertanian,
- Kesihatan Awam (Public Health),
- Isi Rumah,
- Pengawet
- dan Veterinar

kebiasaanya menggunakan nama yang unik dan lebih komersial bagi memberikan identiti dan ciri yang berbeza kerana terdapat kepelbagaiannya variasi produk dari segi kegunaan, fungsi dan sasaran kumpulan pengguna di pasaran.



## Nama Dagangan bagi produk RMP untuk kegunaan Industri atau Perkilangan.

Nama dagangan produk RMP perumusan

- Bahan Teknikal (TC)
- dan Pekatan Teknikal (TK)

kebiasaannya mempunyai nama dagangan yang terus memberikan identiti RMP tersebut dengan apa-apa kombinasi singkatan

- nama syarikat,
- nama perawis aktif,
- angka yang menunjukkan %w/w
- dan singkatan perumusan.

Ini adalah bersesuaian dengan kegunaan RMP jenis ini yang digunakan secara terhad dalam sektor industri dan perkilangan sahaja.

# SAMPEL LABEL RACUN KEGUNAAN PERTANIAN DI PASARAN

## AWAS:

- a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhadu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, JANGAN makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakan. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.  
Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaiyan termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).
- b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisme akuatik dan ikan. JANGAN cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

## TANDA KERACUNAN:

Gatal-gatal pada mata, hidung, kerongkong dan kulit. Pendedahan yang berlebihan menyebabkan hilang kawalan gerakan dan gaya berjalan yang luar biasa.

## RAWATAN KECEMASAN:

Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, JANGAN ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

**EMPTY PESTICIDE CONTAINER SHOULD BE TRIPLE (3) RINSED BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.**



**有毒品**  
勿貯藏在靠近食品或  
兒童所接觸的地方

**POISONOUS**  
KEEP AWAY FROM  
FOODSTUFF AND CHILDREN

# D-CYPER 25 EC

RACUN SERANGGA | IRAC 3A | PEKATAN TEREMULSI (EC)



Pengorek Buah



Lalat Putih



Ulat Bungkus

Perawis Aktif: cypermethrin ..... 25.0% w/w

Perawis Lengai: ..... 75.0% w/w

No. Pendaftaran : LRMP. RI/ 10162      Kandungan Bersih : 1 liter

Tarikh Mengilang :

Tarikh Luput :

Didaftarkan oleh:



**Bright Resource Technology Sdn. Bhd. (517165-A)**

No. 11-2, Jalan Meranti SD 13/4,  
Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel.: 03-6272 1678 Faks: 03-6272 9528

Jika berlaku KERACUNAN,  
sila hubungi TALIAN KECEMASAN:



BACA LABEL SEBELUM GUNA

**KELAS II**

**BERACUN**  
JAUHKAN DARIPADA  
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

D-CYPER 25 EC ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'pyrethroid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

**ATURAN PENGGUNAAN:** Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Tanaman	Serangga Perosak	Kadar Racun		Isi Padu Semburan Sehektar
		10 Liter Air	Sehektar	
Sawit (< 2 tahun)	Kumbang Tanduk ( <i>Oryctes rhinoceros</i> )	25 ml	500 ml	200 liter
	Ulat Bungkus ( <i>Metisa plana</i> )	7 ml	300 ml	
Tomato	Lalat Putih ( <i>Bemisia tabaci</i> ), Kutu trip ( <i>Frankliniella occidentalis</i> ), Kutu Daun ( <i>Aphis gossypii</i> )	6 ml	270 ml	
Terung	Pengorek Buah ( <i>Leucinodes orbonalis</i> )	8 ml	360 ml	450 liter
Kacang Buncis/ Kacang Panjang	Kutu Daun ( <i>Aphis gossypii</i> ), Lalat Putih ( <i>Bemisia tabaci</i> )	4 ml	150 ml	

Jangan kutip hasil tanaman terung, tomato, kacang buncis dan kacang panjang sekurang-kurangnya 3 hari selepas semburan terakhir.

## Panduan Membanuh:

Disyorkan menggunakan alat penyembur galas bernozel 'solid cone'. Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan D-CYPER 25 EC secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukanan dan bantuan. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bantuan D-CYPER 25 EC di dalam tangki alat penyembur.

## Panduan Menyembur:

Lakukan semburan apabila tanda-tanda serangan mencapai tahap ambang tindakan (ATL). Untuk kawalan yang baik, sembur secara menyeluruh ke permukaan atas dan bawah daun sehingga basah. Ulangi semburan selang 10 hari sekali bagi tomato, terung, kacang panjang dan kacang buncis serta 14 hari sekali bagi sawit apabila perlu sahaja. Jangan guna melebihi dari 3 kali semburan semusim bagi tomato, terung, kacang panjang dan kacang buncis serta 4 kali semburan semusim bagi sawit. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan D-CYPER 25 EC berselang-seli dengan racun serangga daripada kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan berbeza.

Tempoh Dilarang Masuk Semula Kawasan Rawatan (REF): 24 jam

**நஞ்**

உள்வகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு  
அருஙில் வைக்காதீர்



A product label for Bayer Bulldock 025 EC. At the top right is the 'BAYER' logo. The main title 'BULLDOCK® 025 EC' is displayed prominently. Below it, 'Kandungan Bersih: 1 liter' (Clean Content: 1 liter) is shown. The product is described as 'RACUN SERANGGA PEKATAN TEREMULSI (EC)'. Registration number 'No. Pendaftaran: LRMP. R1/1122' is listed. Active ingredient 'Perawis Aktif: betacyluthrin... 2.5% w/w' and inert ingredient 'Perawis Lengar... 97.5% w/w' are detailed. Emergency contact information for 'PUTUS RACUN NEGARA' is provided: '1-800-88-8109 (waktu pejabat)' and '012-4309499 (epas waktu pejabat)'. A 'BACA LABEL SEBELUM GUNA' (Read Label Before Use) instruction is at the bottom. The label is divided into sections: 'BERBAHAYA JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK' (Hazardous, Keep away from food and children), 'KELAS III' (Risk Class III), and 'HARMFUL KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN'. On the right side, there is a section titled 'Sila baca dan patuhi arahan label.' (Please read and follow the label instructions) with several pictograms: a crossed-out person, a person wearing a mask, a person wearing a protective suit, a person wearing a respirator, a person wearing gloves, a person washing their hands, a person swimming, and a person wearing a hard hat. The label also includes a note 'Tarikh Mengilang:' (Expiry Date:) and the manufacturer's details: 'Didafatkan oleh: Bayer Co. (Malaysia) Sdn Bhd (7563 M) T1-14, Jaya 33, No. 3, Jalan Semangat, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Tel.: 03-6209 3088 E-mel: cropsolutions@bayer.com'. A copyright notice at the bottom right states '© Registered trade marks of Bayer Co. (Malaysia) Sdn. Bhd.'

# KEN-AZOXYSTROBIN 98 TC

RACUN MAKHLUK PEROSAK      BAHAN TEKNIKAL (TC)

## GRED TEKNIKAL UNTUK TUJUAN PERKILANGAN SAHAJA

Perawis Aktif : azoxystrobin ..... 98.0% w/w  
Perawis Lengai : ..... 2.0% w/w

No. Pendaftaran : LRMP. R/10601

Tarikh Mengilang :

Didaftarkan oleh :



® Kenso Corporation (M) Sdn. Bhd. (197401003201)

Lot 29, Jalan Sungai Pinang 5/4, Taman Perindustrian Pulau Indah,  
Pulau Indah, 42920 Pelabuhan Klang, Selangor.

Tel. : 03-3101 3033

Jika berlaku KERACUNAN, sila hubungi TALIAN KECEMASAN :



## BACA LABEL SEBELUM GUNA

JAUHKAN DARIPADA  
MAKANAN DAN  
KANAK-KANAK

KELAS IV

KEEP AWAY FROM  
FOODSTUFF AND  
CHILDREN

## GRED TEKNIKAL UNTUK TUJUAN PERKILANGAN SAHAJA

### AWAS :

a) Bahaya Kepada Manusia: Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhadu debu. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Pastikan cuci tangan sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).

b) Bahaya Pada Alam Sekitar: Produk ini adalah berbahaya pada organisme akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air dengan tumpahan, sisa-sisa bahan atau larutan pencuci.

### TANDA KERACUNAN :

**Tanda Awal**: Mual, muntah, kerengsaan kulit (kemerahan, gatal), lemah, sakit kepala, dahaga berlebihan, demam, sakit dada, otot lemah, sakit otot, kesan terbakar.

**Tanda Tertangguh**: Tiada tanda keracunan spesifik. Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang tanda umum keracunan seperti mual, muntah, sakit perut, air liur berlebihan, sakit tekak, sesak nafas, ketat dada, nafas laju, berdebar-debar, gangguan deria rasa, kemerahan pada bahagian terdedah, sawan, koma atau sebarang masalah kesihatan.

### RAWATAN KECEMASAN :

Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekat (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhadu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA.  
JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

勿贮藏在靠近食品或  
儿童所接触的地方

உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு  
அருகில் வைக்காதிர்

# PRINSIP ASAS MELETAKKAN NAMA DAGANGAN PRODUK RMP

Tidak Menyerupai Nama Dagangan Produk RMP  
Yang Telah Diluluskan Pendaftarannya Oleh LRMP

01

Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan  
Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan  
Masyarakat Tempatan

02

Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina  
atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

03

Tidak Menggunakan Perkataan Superlatif Atau Yang  
Membawa Erti Keunggulan Perbandingan Sesuatu  
Produk RMP Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan,  
Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

04

Tidak Menggunakan Perkataan Yang Boleh  
Mengelirukan Pengguna Sama Ada Dalam Bentuk  
Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

05

Mematuhi Undang-Undang/Akta/Peraturan Di  
Malaysia

06

## Prinsip 1

# Tidak Menyerupai Nama Dagangan Produk RMP Yang Telah Diluluskan Pendaftarannya

1. Penggunaan nama dagangan yang sama bagi sesuatu produk RMP adalah tidak dibenarkan, tidak kira sama ada ianya didaftar oleh syarikat pendaftar yang sama atau berlainan;

3. Sekiranya terdapat permohonan nama dagangan yang sama oleh syarikat pendaftar, prinsip 'first come first serve' akan digunakan;

5. Nama Dagangan produk RMP adalah dikatakan serupa jika hanya dibezakan oleh perkataan, simbol atau bunyi sebutan seperti berikut:



2. Larangan syarikat pendaftar untuk tidak menawarkan penggunaan nama dagangan yang sama kepada pihak syarikat pendaftar lain walaupun terdapat surat kuasa kebenaran daripada syarikat yang menawarkan;

4. Pengecualian diberikan bagi perkara 1 sekiranya:

- Pendaftaran produk RMP tersebut melalui proses penukaran hak milik produk, pembelian dan penggabungan syarikat;
- Bagi produk yang dibatalkan pendaftarannya atas sebab-sebab tertentu oleh LRMP atau secara sukarela dibenarkan menggunakan nama dagangan yang telah didaftarkan oleh syarikat pendaftar yang sama sahaja;
- Atas arahan mahkamah disebabkan oleh kes pertikaian nama dagangan produk RMP.

6. Nama Dagangan RMP adalah dianggap berbeza sekiranya mempunyai perbezaan huruf atau susun kata seperti contoh berikut:

## Prinsip 2

### Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan

#### Keterangan

Perkataan yang menyentuh atau melambangkan unsur-unsur keagamaan atau kepercayaan tidak dibenarkan dalam apa-apa bahasa sekalipun.

#### Contoh

ALLAH, GOD,  
JESUS, LORD,  
DEWA, MEKAH,  
KUIL, MASJID,  
TEMPLE,  
BUDDHA,  
TOKONG,  
ANIMISME dan  
lain-lain  
seumpamanya.

## Prinsip 2

### Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan

#### Keterangan

Tidak dibenarkan menggunakan nama yang ada kaitan dengan singkatan nama badan berkanun, syarikat atau agensi kerajaan seperti:

- Singkatan nama institusi pengajian tinggi;
- Akronim agensi
- kerajaan Persekutuan atau Negeri dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC);

#### Contoh

- UPM, UiTM, MARATech, PERDA Tech, UUM, UKM, UTM, UM, CYBER COLLEGE, IMU COLLEGE, Kolej RISDA dan lain-lain
- JP, JPV, MAFI, MOH, BKRPB, LRMP, RISDA, FELCRA, SPRM, MARDI, PETRONAS, POLIS, ATM, JPJ, BOMBA, LHDN, LPP, PNB, ICI, MSC / Multimedia Super Corridor

## Prinsip 2

### Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan

#### Keterangan

Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan ahli Keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan berkaitan institusi beraja.

#### Contoh

"Agong", "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda" atau "Yang Maha Mulia" dan apa-apa juu yang sama maksud dengannya.

## Prinsip 2

### Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan

#### Keterangan

Nama-nama yang menggunakan gelaran/ darjah kebesaran atau pingat kurniaan Persekutuan atau Negeri tidak dibenarkan.

#### Contoh

Encik, Tuan, Puan, Mr, Mrs, Madam, Dato', Datuk, Dato' Sri, Tan Sri, Datuk Pehin, Tun, PGB, AMN dan lain-lain.

## Prinsip 2

### Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan

#### Keterangan

Nama-nama yang berkaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, atau persatuan/organisasi berkaitan RMP di peringkat dalam negara dan antarabangsa.

#### Contoh

- UMNO, PAS, BERSATU, BN, PN, PKR, DAP, MCA, MIC dan seumpamanya;
- PERPETA, CEUPACS dan seumpamanya
- MCPA, FAO dan seumpamanya

## Prinsip 2

### Tidak Menggunakan Perkataan Yang Dikaitkan Dengan Nilai Sosio Budaya, Sosio Ekonomi dan Masyarakat Tempatan

#### Keterangan

Nama-nama yang ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dikawal oleh agensi pekerjaan atau profesi adalah tidak dibenarkan termasuk gelaran ikhtisas yang diberikan.

#### Contoh

- Arkitek, Jurutera, Doktor, Farmasi, Akauntan dan lain-lain
- Dr, CAM, Ir, Ar, Ts. dan lain-lain

### Prinsip 3

## Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

### Keterangan

Nama yang mempunyai unsur-unsur nama yang lucah atau menghina atau mencerca.

### Contoh

Seks, Sex, Pondan, Biseksual, Perogol, Liwat, Sodomi, Alat Kemaluan dan lain-lain termasuk dalam apa-apa terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain.

### Prinsip 3

## Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

### Keterangan

Mengandungi perkataan yang buruk atau yang mungkin menyinggung perasaan masyarakat.

### Contoh

Rasuah, Zina, Judi, Maksiat, Arak, Babi, Mampus, Celaka, Gila dan lain-lain serta termasuk dalam terjemahan bahasa-bahasa lain.

## Prinsip 3

### Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

#### Keterangan

Mengandungi mana-mana perkataan yang menyinggung perasaan mana-mana kaum atau agama termasuk nama ras, suku kaum atau bangsa.

#### Contoh

Jawa, Bugis, Temiar, Pariah, Keling, Sakai, Jakun, Apek, Nyonya, dan lain-lain termasuk dalam apa-apa terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain.

### Prinsip 3

## Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

#### Keterangan

Mengandungi mana-mana perkataan yang berkaitan peperangan, keganasan dan kepahlawanan serta tidak terkecuali penggunaan nama tokoh, pangkat/lencana/tanda anggota pasukan keselamatan, alatan dan seni bela diri.

#### Contoh

Komunis, Tentera, Gerila, Hitler, Rambo, Kapten, Mejar, Jeneral, Hang Tuah, Silat, Thor, Trojan, Kungfu, Silambam, Karate, Taekwando, Bom, Raifal, Pistol, Sumo, Rembat dan lain-lain serta termasuk dalam apa-apa terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain.

## Prinsip 3

### Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

#### Keterangan

Nama yang dianggap mengelirukan dari segi identiti dan objek jika nama yang dipohon tidak seiring dengan jenis RMP yang didaftarkan.

#### Contoh

- Nama-nama tumbuhan atau tanaman yang tidak berkaitan dengan kegunaan RMP;
- Nama-nama perosak yang tiada kaitan dengan kegunaan RMP.
- Nama yang berkaitan dengan ciri-ciri mesra alam sekitar yang memberi gambaran produk RMP tidak mendatangkan sebarang kemudaran terhadap ekosistem atau alam sekitar.

### Prinsip 3

## Bukan Nama-Nama Yang Kurang Sopan, Menghina atau Mengelirukan Dari Segi Identiti Dan Objek

#### Keterangan

Nama-nama yang melibatkan penggunaan elemen nutrien tanaman termasuk akronim/formula yang memberikan maksud berlawanan dengan sifat kimia dan fizik serta cara tindakan sesuatu RMP.

#### Contoh

- Baja: Nitrogen (N), Phosphorus (P), Kalium (K) dan lain-lain makro dan mikronutrien tanaman.
- Pengawal Atur Tumbesaran (PGR): Auksin, Giberellin, Cytokinin, Ethylene dan lain-lain hormon yang berkaitan.

## Prinsip 4

Tidak Menggunakan Perkataan Superlatif Yang Membawa Erti Keunggulan Perbandingan Produk RMP Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

### Keterangan

Perkataan superlatif yang menggambarkan yang paling atau ter-, darjah (tingkatan) yang tertinggi.

### Contoh

Lampiran 'A'

## Prinsip 4

Tidak Menggunakan Perkataan Superlatif Yang Membawa Erti Keunggulan Perbandingan Produk RMP Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

### Keterangan

Penggunaan angka dan aksara (alphabet) yang menunjukkan keunggulan (superlatif) kecuali ianya berkaitan dengan peratusan kandungan perawis aktif RMP.

### Contoh

1, One, 100, Hundred, 1K, 1st dan 100%

## Prinsip 4

Tidak Menggunakan Perkataan Superlatif Yang Membawa Erti Keunggulan Perbandingan Produk RMP Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

### Keterangan

Penggunaan angka dan aksara (alphabet) yang menunjukkan gandaan.

### Contoh

Duo, Dual, Double, Triple,Trio & Seterusnya  
AA, AAA dan seterusnya.

## Prinsip 5

# Tidak Menggunakan Perkataan Mengelirukan Pengguna Sama Ada Dalam Bentuk Perkataan, Bunyi Sebutan Ataupun Sebaliknya

### Keterangan

Perkataan dan akronim yang bukan superlatif tetapi boleh mengelirukan pengguna dari segi:

- Nama berkaitan dengan keselamatan dan dakwaan yang keterlaluan berkaitan RMP;
- Nama berkaitan dengan nilai komersial yang menunjukkan keaslian, jaminan atau keunikian produk RMP untuk dijadikan perbandingan produk yang lain;
- Nama-nama makanan dan minuman serta ubat-ubatan untuk tujuan rawatan kepada manusia;
- Nama-nama dagangan (jenama) produk atau perkhidmatan atau terkenal seperti makanan, pakaian, agen perumahan, institusi kewangan, perhotelan, hospitaliti, perbankan, insuran, penjagaan kesihatan dan permainan kanak-kanak; dan
- Nama-nama penyakit yang menjangkiti manusia

01

### Contoh

Lampiran 'B'



02

# Prinsip 6

## Mematuhi Undang-Undang/Akta/Peraturan Di Malaysia

### Keterangan

Tidak dibenarkan menggunakan perkataan yang dikawal penggunaan kerana kepentingan nasional atau awam seperti:

- Perkataan-perkataan daripada slogan-slogan Kerajaan
- Tema hari kemerdekaan dan sebagainya
- Lambang/Simbol Kebangsaan
- Tempat-tempat awam dan berkaitan dengan institusi beraja

### Contoh

- Wawasan 2020
- 1 Malaysia
- Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan sebagainya
- Istana Diraja dan bangunan-bangunan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri

# Prinsip 6

## Mematuhi Undang-Undang/Akta/Peraturan Di Malaysia

### Keterangan

Nama-nama program/inisiatif/projek Kerajaan untuk kepentingan nasional dan awam

### Contoh

- BR1M
- Bantuan Sara Hidup (BSH)
- Bantuan Prihatin Nasional (BPN), PENJANA, ECRL, SIPP dan lain-lain

# Prinsip 6

## Mematuhi Undang-Undang/Akta/Peraturan Di Malaysia

### Keterangan

- Nama-nama tokoh pemimpin negara dan negeri.
- Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan atau Majlis Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan
- Nama yang membayangkan kaitan dengan Kerajaan/Negara Asean, Komanwel, Negara asing atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

### Contoh

- “Persekutuan”, “Negeri” atau “Nasional”.
- Perkataan “Malaysia” atau Nama Negeri tidak dibenarkan.
- “ASEAN”, “UNESCO”, “NATO”, “EEC” atau “FAO”, “OPEC” dan lain-lain.

# TATACARA MENAMAKAN PRODUK RMP



Menggunakan Bahasa Dan  
Ejaan Yang Betul



Menggunakan Nama Dagangan  
Yang Tidak Terlalu Umum



Penggunaan Perkataan Jenis Kegunaan Racun,  
Perawis Aktif dan Perumusan Sebagai Sebahagian  
Nama Dagangan RMP



Penggunaan Angka/Nombor (Numeric) Sebagai  
Sebahagian Nama Dagangan



Penggunaan huruf/abjad (Alphabet)  
Sebagai Awalan Nama Dagangan



Penggunaan Simbol Sebagai Sebahagian Nama  
Dagangan

Modern PowerPoint





# Menggunakan Bahasa Dan Ejaan Yang Betul

**Nama hendaklah menggunakan laras Bahasa dan ejaan yang betul.**

**Penggunaan campuran Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) dibenarkan jika penggunaannya untuk menggambarkan jenis perosak, perumusan dan cara tindakan RMP.**

- Perkataan dialek dan loghat tempatan dan asing tidak dibenarkan sama sekali digunakan sebagai nama dagangan;
- Penggunaan bahasa lain hanya Bahasa Inggeris sahaja di benarkan.
- Nama gabungan dari perkataan yang dilarang seperti di lampiran A adalah **TIDAK DIBENARKAN**.






# Menggunakan Bahasa Dan Ejaan Yang Betul

- Sekiranya nama mengandungi perkataan yang bukan dari Bahasa Melayu (BM) atau Bahasa Inggeris (BI) atau rekaan, makna perkataan tersebut hendaklah dijelaskan kepada LRMP untuk kelulusan penggunaanya.

Nama Dagangan	Justifikasi Nama Dagangan Rekaan	
MATIKUS	Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataaan BM- Mati dan Tikus	✓
BUTIK	Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataaan BM - Bunuh dan Tikus	
Nama Dagangan	Justifikasi Nama Dagangan Rekaan	
SIPUTOX	Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataan BM- Siput dan BI-Toxic	✓
RUMPUTOX	Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataan BM- Rumput dan BI-Toxic	
MOSTOP	Justifikasi: Diambil dari gabungan perkataan BI- Mosquito dan Stop	





# Menggunakan Nama Dagangan Yang Tidak Terlalu Umum

Nama dianggap umum jika menggunakan perkataan biasa atau hanya menunjukkan aktiviti/kesan/formulasi RMP tersebut kepada perosak

Contoh Nama Dagangan	
ABC Multi Insect Killer	✓
ABC Cockroach Kill	
ABC MOSQUITO COILS	
Multi Insect Killer	
Cockroach Kill	
Mosquito Coils	✗





# Penggunaan Perkataan Jenis Kegunaan Racun, Perawis Aktif dan Perumusan Sebagai Sebahagian Nama Dagangan RMP

- 
- Penggunaan perkataan yang menunjukkan jenis RMP seperti Herbicide, Fungicide, Insecticide dibenarkan dengan syarat menambah **perkataan awalan ataupun akhiran** dan mestilah bersesuaian dengan jenis produk tersebut.
  - Produk yang menggunakan nama perawis aktif RMP sebagai nama dagangan mestilah menambah **perkataan awalan** seperti nama syarikat pendaftar serta nama naungan (umbrella name) bagi menunjukkan tanda perniagaan yang digunakan.
  - Penggunaan perkataan yang menunjukkan formulasi atau perumusan RMP kegunaan Isi Rumah sahaja
    - seperti Mosquito Coils, Liquid Vaporiser, Aerosol, Paper dan lain-lain dibenarkan
    - dengan syarat menambah **perkataan awalan ataupun akhiran** dan mesti bersesuaian dengan jenis produk tersebut.



# Penggunaan Perkataan Jenis Kegunaan Racun, Perawis Aktif dan Perumusan Sebagai Sebahagian Nama Dagangan RMP

- Contoh Nama Dagangan bagi penggunaan 3 elemen yang dibenarkan adalah seperti berikut:

## Menunjukkan jenis atau kegunaan RMP

Contoh Nama Dagangan	
ABC FUNGICIDE RACUN KULAT ABC	✓
FUNGICIDE RACUN KULAT FUNGICIDE 80 FUNGICIDE WG FUNGICIDE 80 WG	X

## Penggunaan nama perawis aktif RMP

Contoh Nama Dagangan	
ABC GLYPHOSATE 80 EC	✓
GLYPHOSATE GLYPHOSATE 80 GLYPHOSATE 80 WG	X



# Penggunaan Perkataan Jenis Kegunaan Racun, Perawis Aktif dan Perumusan Sebagai Sebahagian Nama Dagangan RMP

- Contoh Nama Dagangan bagi penggunaan 3 elemen yang dibenarkan ini adalah seperti di berikut:

**Perkataan yang menunjukkan formulasi atau perumusan RMP adalah dibenarkan untuk racun kegunaaan isi rumah sahaja**

Contoh Nama Dagangan	
ABC LINGKARAN NYAMUK	✓
ABC SUSPENSION CAPSULE	
ABC PEKATAN TEREMULSI	
LINGKARAN NYAMUK GEL	X



# Penggunaan Angka/Nombor (Numeric) Sebagai Sebahagian Nama Dagangan

- Tidak menggunakan angka yang disifatkan sebagai superlatif

Contoh Nama Dagangan	
ABC CYPERMETHRIN 100	X
ABC 100%	X
ABC 1	X

- Angka yang berkaitan dengan kegunaan awam tidak dibenarkan seperti contoh 999, 994, 991, 1800 dll.

Contoh Nama Dagangan	
ABC 999	X
ABC RACUN TIKUS 1800	X

- Sekiranya menggunakan **sepenuhnya** atau **sebahagian nama perawis aktif atau singkatan jenis perumusan** pada nama dagangan, angka yang digunakan hendaklah sama dengan peratusan (%) kepekatan perawis aktif w/w yang didaftarkan.

Contoh Nama Dagangan	
RMP didaftarkan mengandungi 30% w/w glyphosate dengan perumusan Pekatan Larut Air (SL).	✓
ABC Glyphosate 30 SL	✓
ABC Glyphosate 80 SL	X
ABC Glyphosate 888	X






# Penggunaan Angka/Nombor (Numeric) Sebagai Sebahagian Nama Dagangan

- Penggunaan nombor mengikut turutan dimulai dengan nombor 2 dibenarkan bagi membezakan RMP Kegunaan Teknikal (TC) dan Pekatan Teknikal (TK) sekiranya mempunyai nama perawis aktif dan kepekatan yang sama.
- Kemudahan ini hanya diberikan kepada *syarikat pendaftar yang sama* sahaja.

Contoh Nama Dagangan	
ABC ABAMECTIN 97 TC	
ABC ABAMECTIN 97 TC 2	
ABC ABAMECTIN 97 TC 3	✓






# @ Penggunaan huruf/abjad (Alphabet) Sebagai Awalan Nama Dagangan

Singkatan untuk perumusan SP, EC, ES dan sebagainya dibenarkan dengan syarat ianya sama dengan singkatan perumusan RMP yang didaftarkan.

Contoh Nama Dagangan	
ABC CHLORPYRIFOS 80 EC	✓
ABC CHLORPYRIFOS EC	✗

- Singkatan nama syarikat yang mendaftar

Contoh Nama Dagangan	
Sebagai Contoh Nama Penuh Syarikat: RACUMIN SDN. BHD.  RAC CHLORPYRIFOS 80 EC RAC MANCOZEB 80 WP RAC MOSQUITO COILS	✓



@  
Penggunaan  
huruf/abjad  
(Alphabet) Sebagai  
Awalan Nama  
Dagangan

- Semua pendaftaran RMP perumusan Bahan Teknikal (TC) dan Pekatan Teknikal (TK) teknikal **diwajibkan menambah singkatan (TC atau TK) di akhiran nama dagangan.**

Contoh Nama Dagangan	
RAC CHLORPYRIFOS 80 TC	✓
RAC MANCOZEB 30 TK	
RAC MANCOZEB 80 TECHNICAL	
RAC MANCOZEB 80 TEKNIKAL	
RAC MANCOZEB 80 TECH	✗



# Penggunaan Simbol Sebagai Sebahagian Nama Dagangan

- Penggunaan simbol yang terdapat di dalam nama perawis aktif dan peratusan berat sahaja dibenarkan.
- Simbol “-“ (sempang/hyphen) dibenarkan bagi nama perawis aktif dan bagi gabungan 2 nama yang bukan superlatif

Contoh Nama Dagangan	
RAC 2,4-D-DIMETHYLAMMONIUM	✓
RAC-SUPER DIURON 80 WG  (TIDAK DIBENARKAN KERANA PERKATAAN SUPER)	X
RAC-DIURON 96 TC	✓



# PENGGUNAAN NAMA NAUNGAN (UMBRELLA NAME) SEBAGAI TANDA PERNIAGAAN BERDAFTAR SYARIKAT

6.LRMP tidak terikat untuk menerima cap dagangan lain seperti blok cetakan perkataan, logo, simbol, gambar, nama, huruf, tandatangan, nombor atau apa-apa kombinasi.

5.Nama naungan boleh digunakan berulang kali dengan syarat menggunakan kombinasi nama perawis aktif, jenis kegunaan, angka peratusan (%) w/w dan singkatan perumusan.

4.Menyertakan salinan Sijil pendaftaran MyIPO sebagai bukti pemilikan cap dagangan.

1.LRMP tidak terikat untuk menerima secara automatik sebarang Nama Naungan yang didaftarkan dengan Perbadanan Hak Intelek Malaysia (MyIPO).

2.Mematuhi semua prinsip-prinsip asas nama dagangan

3.Tiada pertindihan atau pertikaian dari mana-mana pihak berhubung nama naungan yang dicadangkan.




# PENERIMAAN DAN PENUKARAN NAMA DAGANGAN

Nama dagangan produk RMP dianggap boleh digunakan dan tidak boleh dipindah oleh syarikat pendaftar apabila;


Nama dagangan RMP yang telah melalui proses penilaian Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pendaftaran RMP

Setelah nama dagangan telah diwartakan (gazet) melalui sijil pendaftaran



Permohonan nama dagangan yang telah dikunci masuk (key in) dalam sistem Mypesticide kecuali atas arahan pindaan nama dagangan oleh sekretariat LRMP;

- Setelah sekretariat membuat penilaian melalui proses Penilaian Akhir Label (Final Label Assessment-FLA) atau proses-proses lain sebelum diwartakan (gazet)
- Walaubagaimanapun nama dagangan boleh dipindah disebabkan tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan



# PENGUATKUATKUASAAN GARIS PANDUAN

- Pemakaian Garis Panduan Nama Dagangan Produk Racun Makhluk Perosak (Pindaan 2020) berkuatkuasa mulai **1 September 2021** terpakai sepenuhnya bagi permohonan yang melibatkan urusan **produk baru** sahaja.
  - syarat/peraturan di perkara 7 (**FORMAT CETAKAN NAMA DAGANGAN PADA LABEL PRODUK RMP**) terpakai bagi aktiviti pendaftaran semula, tambah syor, penambahan pek saiz dan tukar label.

# Contoh Cetakan

Perkara	Contoh Cetakan Nama Dagangan	
Jenis tulisan yang terlalu fancy dan bersambung menyebabkan sukar untuk dibaca	     	
Sebarang reka bentuk yang berbentuk aksesori tambahan pada blok nama dagangan	     	
Penggunaan warna latar belakang atau grafik yang tidak sama bagi blok nama dagangan.	    	
Menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan, saiz dan jenis huruf yang sama besar	   	

Menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan bagi latar belakang yang sama	    	
Blok cetakan mesti dicetak dengan jelas dan terang dari segi ketinggian, menggunakan reka bentuk, warna, kepekatan, saiz dan jenis huruf yang sama besar	       	

# WAY FORWARD



A background photograph of a scientist wearing a white lab coat and blue gloves, focused on handling glass laboratory equipment like flasks and test tubes. The lighting is bright and clinical.

# SEKIAN, TERIMA KASIH

mohdazman@doa.gov.my



## Prinsip 1

### Tidak Menyerupai Nama Dagangan Produk RMP Yang Telah Diluluskan Pendaftarannya Oleh LRMP

#### Keterangan

- Penggunaan simbol ":" (noktah) atau "-" (sempang) "&" atau ® atau lain-lain simbol.
- Perbezaan daripada segi kata ganda (plural version) atau kata imbuhan.
- Mempunyai bunyi sebutan/ejaan yang sama atau seakan sama

#### Contoh

- ABC -GLYPHOSATE TC
- ABC .GLYPHOSATE TC
- ABC ® GLYPHOSATE TC
- ABC RAT
- ABC RATS
- AMISTARTOP
- ANISTARTOP

## Prinsip 1

### Tidak Menyerupai Nama Dagangan Produk RMP Yang Telah Diluluskan Pendaftarannya Oleh LRMP

#### Keterangan

- Perkataan biasa yang digabungkan dengan Perawis Aktif/ Perumusan/ Perosak adalah dianggap perkataan biasa dan tidak sama jika keseluruhan nama tidak sama. Cara penulisan hendaklah menggunakan tatabahasa (grammar) yang betul.

#### Contoh

- ABC MOSQUITO COIL
- LINGKARAN NYAMUK ABC

# PERKATAAN ATAU FRASA SUPERLATIF YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK DIJADIKAN NAMA DAGANGAN RMP

VERSI BAHASA MELAYU		VERSI BAHASA INGGERIS DAN BUNYI SEBUTAN YANG SAMA	ABJAD/ SIMBOL/ NOMBOR
BIL	PERKATAAN		
1.	CEMERLANG	EXCELLENCE; TOP	100; 100%
2.	MENAKJUBKAN	AMAZING;	NO.1
3.	HEBAT	SUPER	PLUS; PLAS; +
4.	DIJAMIN; PASTI	GURANTEE, SURE	DOUBLE/DUO
5.	SEMPURNA	PERFECT	TRIPLE
6.	KEAJAIBAN; MENGAGUMKAN; AJAIB	SUPER POWER, MIRACLE	AA/AAA
7.	BERKUASA	POWER,	TRIO
8.	KERAMAT; SUNGGUH	DESTROY; K.O	DUAL
9.	UNGGUL	EXCEL, CHAMPION; HERO	INFINITY
10.	TERBAIK	BEST, BEZ; BES,SPECIAL; STAR	NANO
11.	MUSNAH	PRO	
12.	JUARA	MAX,MAKS, MAXIMISE	
13.	ABADI	SUREMAX	
14.	PROFESIONAL	PROFIT	
15.	MAKSIMUM	SUPREME	
16.	SANGAT	ACE; ASE;	
17.	BESTARI	ESSENTIAL	
18.	C-FU; SIFU	PRIME; MIGHT	
19.	DINOSO; DINOSAUR	MOST, ADVANCE, OUTSTANDING	
20.	ISTIMEWA	RAPID; QUICK	
21.	AGUNG	ALPHA, BETA	
22.	APA-APA SUPERLATIF, PERKATAAN ATAU FRASA LAIN YANG SINONIM DENGAN YANG DI ATAS.	EST IS ADDED TO THE END OF THE ADJECTIVE, AS IN "TALLEST," "SMALLEST," OR "HARDEST."	

LAMPIRAN  
'A'

PERKATAAN DAN AKRONIM BUKAN SUPERLATIF TETAPI BOLEH MENGELIRUKAN PENGGUNA **TIDAK DIBENARKAN** DIJADIKAN NAMA DAGANGAN RMP

LAMPIRAN  
‘B’

SENARAI PERKATAAN ATAU FRASA MENGIKUT KATEGORI				
KESELAMATAN	NILAI KOMERSIAL UNTUK PERBANDINGAN	NAMA MAKANAN, MINUMAN & UBAT-UBATAN	JENAMA PRODUK TERKENAL	NAMA PENYAKIT MANUSIA
BIO	ELITE	FIGO	PROTON	MELASMA
SEMULAJADI	SHIELD	KFC	KINGSTON	COVID -19
BIOPESTICIDE	GUARD	MAGGIE	OLE; OLAY	AIDS
NATURAL; SEMULAJADI	WIRA; SATRIA	ZASAR	LV	HIV
ORGANIK	ENVIRO	TWISTER	APPLE	TIBI
MESRA ALAM	GREEN;GREEN LABEL	IMUNIT		KANSER
EKO; ECO	ENERGY	PANADOL		SAWAN
ASLI	ORI; ORIGINAL	BIONTECH		TALASEMIA
SELAMAT; SAFE	SMART	AZ		CACAR
HARUM	CEKAP; PANTAS	SINOVAC		MERS
CARE	FAST; FAS; FAZ			
HIJAU	HAPUS			
ECO FRIENDLY	ISTIMEWA			
	BAGUS; BAGUZ			
	KUAT			
	STRONG; QUAT			
	EXTRA; EXTREME; XTREME			
	TWISTER			
	GOOD			
	ULTRA			
	POWER			
	RICH			
	SUPREME			
	DR MOS			
	GOLD			
	MEGA; MIKRO; MICRO; MAKRO; MACRO			